



JABATAN CANSELORI
CHANCELLERY
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN
MALAYSIA



Tel: 604-928 3007
Faks (Fax): 604-928 3016
Laman Web (Web): www.uum.edu.my

Ruj. Kami: UUM/CAN(UKK)/P-35/2
Tarikh : 18 Julai 2021

Semua Staf
Universiti Utara Malaysia

Yang Berbahagia Dato'/Prof./Tuan/Puan

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENGURUSAN KANDUNGAN (BERITA DAN INFOGRAFIK) MELALUI LAMAN PORTAL, E-MEL DALAMAN DAN SALURAN MEDIA SOSIAL RASMI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Utara Malaysia (UUM) sedang mengemas kini Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi Pengurusan Kandungan (Berita dan Infografik) yang dihasilkan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pusat Pengajian (PP) secara lebih cekap dan berkesan menerusi saluran hebahan rasmi UUM.

3. Universiti sentiasa komited dalam memastikan standard dan kualiti kandungan hebahan umum yang dikeluarkan dapat meningkatkan imej baik universiti di dalam dan juga luar negara. Oleh itu, bagi menambah baik kerja penyelarasan dan koordinasi antara pihak Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pusat Pengajian (PP) dengan UUM Corporate Communication (UCC) berikut ialah ketetapan baharu dalam SOP pengurusan kandungan untuk makluman dan perhatian semua:


- a) Hanya berita berkaitan aktiviti rasmi universiti yang bersesuaian untuk makluman warga kampus dan juga orang awam sahaja akan dihebahkan.
- b) Berita atau infografik hendaklah berunsur maklumat dan kebaikan bersama. Sebarang hebahan yang menimbulkan kekeliruan, berunsur politik, perkauman dan boleh menjejaskan keselamatan negara tidak dibenarkan.
- c) Maklumat infografik hendaklah ringkas, tepat dan padat (logo UUM, tajuk program, tarikh, tempat, masa, penganjur dan juga maklumat tambahan yang berkaitan). Infografik mestilah mematuhi **Pekeliling Pendaftar Bilangan 1/2020**.

- d) Hanya UUMIT, Jabatan Pendaftar, Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan (JPP) dan UCC sahaja dibenarkan membuat hebahan e-mel dalaman secara terus kepada semua staf dan pelajar. Bagi PTJ selain daripada yang dinyatakan perlu berhubung dengan pihak UCC untuk tujuan tersebut.
 - e) Hebahan berita atau infografik di portal rasmi UUM hanyalah melibatkan aktiviti peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa sahaja serta diselaraskan oleh UCC.
 - f) PTJ/PP boleh menghebahkan berita atau infografik yang dihasilkan terus ke laman sesawang masing-masing.
 - g) Berita dan infografik yang telah disemak akan dihebahkan di dalam media sosial rasmi UUM berdasarkan kesesuaian maklumat untuk warga kampus dan juga orang awam.
4. Jabatan Canselori amat berharap agar semua PTJ/PP dapat mematuhi SOP yang ditetapkan bagi memastikan berita dan infografik yang dihasilkan dapat dihebah dengan lebih efisien dan efektif menerusi saluran hebahan rasmi UUM.
5. Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Kandungan (Berita dan Infografik) ini berkuat kuasa mulai 18 Julai 2021.

Sekian terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"KEDAH SEJAHTERA – NIKMAT UNTUK SEMUA"
"ILMU, BUDI, BAKTI"

Saya yang menjalankan amanah



MOHD ZAMRI BIN AHMAD
Pengarah
Jabatan Canselori
Universiti Utara Malaysia

s.k. - Yang Berbahagia Dato' Naib Canselor
- Semua Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU)